

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN TAN KOK WAI**

**TARIKH: 16 MAC 2016**

**SOALAN:**

**TUAN TAN KOK WAI [ Cheras ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja dalam bidang masing-masing yang diberhentikan dalam tempoh 3 tahun lepas berikutan kegawatan ekonomi dan lebihan bekalan. Apakah strategi yang telah Kerajaan laksanakan untuk mengubahsuai dasar sumber manusia negara.

**PR-1341-L72069**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Tindakan pemberhentian pekerja boleh dikategorikan kepada pemberhentian biasa dan pemberhentian secara sukarela(VSS). Pemberhentian biasa adalah tindakan penamatkan kontrak oleh majikan kerana syarikat mengalami masalah kewangan ataupun perubahan struktur perniagaan yang disusun semula mengakibatkan berlaku lebihan tenaga kerja. Pekerja yang dihentikan akan dibayar faedah penamatkan sekurang-kurangnya mengikut Akta Kerja 1955 atau perjanjian bersama (*Collective Agreement*). Manakala pemberhentian secara VSS adalah tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa di mana pekerja sendiri menawarkan diri dan bersetuju untuk ditamatkan pekerjaan oleh majikan dengan syarat majikan membayar faedah penamatkan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang.
  
2. Pemberhentian pekerja ini berlaku dalam hampir semua sektor ekonomi. Namun begitu, pemberhentian dalam sektor pembuatan mendahului lain-lain sektor bagi tempoh tiga tahun kebelakangan. Berikut adalah statistik pemberhentian pekerja mengikut sektor bagi tahun 2013 hingga 2015.

**Bil. Pekerja Yang terlibat Dengan Pemberhentian mengikut  
Sektor Dari Tahun 2013-2015**

Aktiviti harta tanah	36	94	111
Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dapat diklasifikasikan	0	0	0
Aktiviti kesihatan, kemanusian dan kerja sosial	15	106	5
Aktiviti kewangan dan insuran / takaful	462	122	17,628
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,305	426	1,070
Aktiviti perkhidmatan lain	596	206	220
Aktiviti profesional , saintifik dan teknikal	355	673	1,775
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	0	6	47
Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	0	61	88
Kesenian, hiburan dan rekreasi	0	20	81
Maklumat dan komunikasi	410	861	815
Pembinaan	663	812	521
Pembuatan	25,852	17,386	9,203
Pendidikan	300	207	124
Pengangkutan dan penyimpanan	250	290	668
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	343	1,345	399
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	1,029	445	1,293
Perdagangan borong dan runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal	734	1,456	1,961
Perlombongan dan Pengkuarian	68	810	2,255
Pertanian, perhutanan dan perikanan	217	90	235
Tidak diklasifikasikan	451	501	0

\* Data merangkumi Pemberhentian Biasa dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS)

3. Berdasarkan rekod kementerian, jumlah pemberhentian pekerja pada tahun 2015 adalah tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakang. Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pada tahun 2015 adalah lebih rendah berbanding pada tahun 2009, 2008 dan 2007. Berikut adalah statistik pemberhentian pekerja bagi tahun 2005 hingga 2016.

## **Statistik pemberhentian pekerja bagi tahun 2005 hingga 2016.**

Aktiviti/Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Jan 2016
Pemberhentian Biasa	17,918	18,604	20,528	32,645	46,080	15,116	15,567	19,028	21,145	16,820	18,608	457
Pemberhentian Sukarela(VSS)	7,399	14,930	21,808	14,500	19,436	4,175	4,537	14,961	11,941	9,097	19,891	4,552
Jumlah	25,317	33,534	42,336	47,145	65,516	19,291	20,104	33,989	33,086	25,917	38,499	5,009

Sumber : JTK, KSM

4. Bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Januari 2016 seramai 5,009 pekerja dilaporkan terlibat dalam tindakan pemberhentian. Untuk makluman Dewan yang Mulia, bilangan ini telah menurun berbanding bilangan pekerja yang diberhentikan pada bulan Disember 2015 iaitu 5,758 pekerja dan pada November 2015 seramai 9,986 pekerja. Penurunan jumlah pemberhentian ini, memberi petunjuk bahawa keadaan ekonomi semakin kukuh berbanding tahun sebelumnya walaupun ianya masih di peringkat awal kesan dari kegawatan ekonomi.

5. Kementerian amat fokus untuk membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang dihentikan. Pihak Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa menjalankan perundingan dengan majikan bagi menawarkan kekosongan jawatan yang bersesuaian. Pekerja-pekerja ini digalakkan untuk mendaftar sebagai pencari kerja melalui Portal *JobsMalaysia* dan mereka turut juga akan diberi keutamaan semasa Program Penempatan Pekerjaan. Pihak Kementerian juga berusaha untuk menawarkan latihan-latihan

kemahiran baru jika diperlukan oleh pekerja-pekerja ini melalui Jabatan dan Agensi di bawah KSM.

6. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia (KSM) amat prihatin terhadap isu pemberhentian pekerja. Berikutan daripada isu ini, KSM telah mengambil tindakan proaktif dengan menetapkan Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja memandangkan isu pemberhentian ini melibatkan hak-hak dan kebajikan pekerja. Garis panduan ini merupakan satu mekanisme Kementerian bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para majikan dalam pengurusan pemberhentian pekerja dan memberi pendedahan kepada pekerja yang diberhentikan tentang hak-hak mereka di bawah undang-undang.

7. Dalam usaha mengurangkan kadar pemberhentian pekerja, KSM sentiasa mencadangkan kepada majikan agar tindakan pemberhentian pekerja diambil sebagai langkah terakhir. Bagi membantu pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian pekerja, KSM telah menetapkan strategi-strategi berikut:

**(i) Program Latihan Semula**

Program latihan semula pekerja yang diberhentikan ini diadakan untuk membantu mereka mendapat latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa pasaran buruh. KSM melalui Jabatan dan Agensinya iaitu Institut Latihan Perindustrian, Institut Latihan Lanjutan Tenaga Manusia atau

ADTEC, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran menentukan bentuk-bentuk latihan dan bantuan yuran latihan sebagai nilai tambahan (value added) kepada mereka yang terlibat dengan pemberhentian kerja.

**(ii) Penubuhan *Outplacement Centre***

Penubuhan ini bertujuan memberi peluang kepada para pekerja yang diberhentikan kerja untuk meningkatkan kemahiran melalui latihan *up-skilling* dan *re-skilling*. Ini akan memperluaskan kebolehpekerjaan dan membantu mereka mendapat jaminan pekerjaan sama ada di dalam industri yang sama atau industri yang berbeza.

8. Selain itu, KSM juga memastikan pekerja yang diberhentikan mendapat hak sewajarnya mengikut Akta Kerja 1955 atau perjanjian bersama antara majikan dan pekerja. Pekerja yang diberhentikan akan dipastikan menerima bayaran faedah yang mereka berhak terima seperti baki gaji, baki cuti tahunan, notis dan faedah-faedah penamatan kerja.
9. Bagi tujuan ini KSM telah menukuhan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), bertempat di Ibu Pejabat JTKSM. Fungsi POPPK ini adalah untuk memantau setiap cadangan tindakan pemberhentian yang dimaklumkan oleh majikan supaya nasihat yang bersesuaian dapat

diberi kepada majikan. Selain itu, pemantauan ke atas isu bayaran pampasan juga akan dibuat di samping membantu pekerja yang dihentikan mendapat pekerjaan semula atau membantu pekerja-pekerja yang ingin mendapatkan kemudahan latihan-latihan kemahiran baru yang diperlukan agar kesesuaian dengan kekosongan pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan.